**Nota Penting:**

1. Ini adalah pelan insurans berkaitan pelaburan yang berkait dengan prestasi aset-aset asas dan bukan merupakan produk pelaburan sepenuhnya seperti unit amanah atau deposit tetap.
2. Sekiranya berlaku kematian atau penyakit terminal, Etiqa Life Insurance Berhad akan membayar Jumlah Yang Diinsuranskan atau Nilai Akaun ditambah RM5,000, yang mana lebih tinggi.
3. Pada akhir tempoh polisi, jika orang yang diinsuranskan meneruskan kehidupan, manfaat matang akan dibayar berdasarkan Nilai Akaun.
4. Risalah ini menyediakan maklumat ringkas yang tidak lengkap. Untuk ilustrasi terperinci mengenai produk ini, sila rujuk kepada Helaian Pendedahan Produk dan minta Ilustrasi Jualan daripada wakil jualan kami.

**TAHUKAN ANDA?**




Jumlah kes kanser baru yang dicatatkan di Malaysia dalam tempoh 5 tahun dari 2012 hingga 2016 **meningkat kepada 115,238 dari 103,507 kes**.

*Sumber: Malay Mail, Mei 2019*

---

"18,267

**18,267 kematian** telah dilaporkan pada tahun 2018 adalah berpunca daripada penyakit jantung iskemik, punca utama kematian di Malaysia.

*Sumber: The Star, Oktober 2019*

**Berhubung dengan Wakil Jualan Kami sekarang!**

Hubungi **1300 88 6688**, kunjungi mana-mana cawangan Maybank atau layari **www.maybank2u.com.my** untuk maklumat lanjut, terma-terma dan syarat-syarat.

Pelan ini diunderait oleh Etiqa Life Insurance Berhad (201701025113), sebuah subsidiari Malayan Banking Berhad (196001000142). Etiqa Life Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Etiqa Life Insurance Berhad beralamat di Dataran Maybank, No. 1 Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur. Pelan ini diedarkan oleh Malayan Banking Berhad, dan ibu pejabat terletak di Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.

V1/23/SFP/BNMG

**Smart Flexi Plus**
**Pelan Insurans**

# Kebebasan Untuk Memilih

**Tempoh Pembayaran Premium & Tempoh Polisi Yang Fleksibel**



Diunderait oleh:

eTiQa

Insurans Hayat

**Menginsankan Perkhidmatan Kewangan.**

Maybank

## Anda mempunyai fleksibiliti untuk memilih tempoh pembayaran premium dan tempoh polisi dengan jaminan perlindungan berserta manfaat matang.

**Smart Flexi Plus** adalah satu pelan insurans berkaitan pelaburan yang menyediakan perlindungan dan membayar sejumlah wang sekiranya berlaku kematian atau penyakit terminal, hilang upaya menyeluruh dan kekal (HUMK)[1], dan jika didiagnosis menghidap kanser[1].

### Tempoh Pembayaran Premium

Pilih tempoh pembayaran premium dari 5 sehingga 20 tahun.

### Tempoh Polisi

Pilih tempoh perlindungan anda dari 10 sehingga 30 tahun.

### Perlindungan Tambahan[1]

- Early Cancer Rider menyediakan bayaran tunai jika didiagnosis menghidap kanser.
- TPD Shield Rider menyediakan bayaran tunai sekiranya berlaku HUMK disebabkan oleh penyakit atau kecederaan.

### Pengecualian Pembayaran Premium[1]

- Waiver of Premium for Critical Illness Rider akan mengecualikan pembayaran premium sekiranya orang yang diinsuranskan didiagnosis dengan penyakit kritikal.
- Payor Waiver of Premium Rider (Spouse) atau (Juvenile) akan mengecualikan pembayaran premium sekiranya pemilik polisi didiagnosis menghidap penyakit kritikal, hilang upaya atau berlaku kematian.

### Bayaran Tunai Pada Tempoh Matang

- Potensi pulangan yang tinggi apabila polisi matang.
- Dana-dana diuruskan oleh pengurus dana terbaik yang telah memenangi pelbagai anugerah.
- Tambah nilai pada bila-bila masa untuk meningkatkan Nilai Akaun.

## KES SENARIO



Adam, berumur 35 tahun dan tidak merokok. Beliau mendaftar Smart Flexi Plus dengan manfaat tambahan dan memilih untuk membayar premium selama 10 tahun dengan perlindungan selama 20 tahun.

**UMUR 35**

Pembayaran Premium:
**RM10,000 setahun selama 10 tahun**

Tempoh Polisi: **20 tahun**

Jumlah Yang Diinsuranskan untuk Kematian: **RM1,000,000**

Jumlah Yang Diinsuranskan untuk Early Cancer Rider[1]: **RM300,000**

Jumlah Yang Diinsuranskan untuk TPD Shield Rider[1]: **RM300,000**

Waiver of Premium for Critical Illness Rider: **10 tahun**

**UMUR 50**

Beliau telah didiagnosis menghidap kanser utama pada umur 50 tahun. Manfaat Early Cancer Rider sebanyak RM300,000 dibayar sekali gus. Beliau boleh menggunakan jumlah tersebut untuk perbelanjaan sara hidup dan rawatan kansernya.

**KEMATIAN**

**UMUR 53**

Kematian berlaku pada umur 53 tahun. **RM1,000,000** dibayar kepada warisnya.

**MENERUSKAN KEHIDUPAN**

**UMUR 55**

**Pada Akhir Tempoh Polisi**

Adam berjaya melawan kanser sehingga polisi matang pada umur 55 tahun dan menerima bayaran sekali gus daripada Nilai Akaun:
Senario Rendah[2] (2% p.a.): **RM28,786**
Senario Tinggi[2] (5% p.a.): **RM64,113**

[1] *Manfaat Pilihan*

[2] *Kadar pulangan (2% setahun untuk senario rendah dan 5% setahun untuk senario tinggi) dipilih untuk memaparkan pulangan pelaburan yang berbeza pada Nilai Akaun. Unjuran adalah berdasarkan seorang lelaki, tidak merokok, berumur 35 tahun, mod pembayaran tahunan dan pilihan 100% dalam Dana Seimbang.*